

SATIRA

DALAM POLITIK DAN PEMBANGUNAN MALAYSIA

FAIRUZZAMAN SHAHARUDDIN
MUHAMAD AZWAN ABD RAHMAN

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
PEWARIS GEMILANG SDN. BHD.
No. 27G, Jalan Putra 8, Taman Kajang Putra,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-211-1

Kandungan

Senarai Singkatan ... 7

Prakata ... 9

BAB 1 Susur Langka dan Marcapada Dialektik Satira ... 13

BAB 2 Jelujur Satira Politik dalam Ruang Awam di Malaysia ... 26

BAB 3 Satira Politik dan Pembangunan Malaysia:
Penentangan dan Pembenturan ... 57

BAB 4 Pembauran Satira dalam Politik dan Pembangunan:
Pertembungan Kuasa Pasca Reformasi ... 85

BAB 5 Melampaui Hadapan: Melazimi Satira dalam Politik
dan Pembangunan ... 127

Rujukan ... 135

Indeks ... 147

Prakata

Buku *Satira dalam Politik dan Pembangunan Malaysia* membincangkan tema berhubung kehadiran reaksi sebilangan satirawan melalui karya/aksi satira mereka terhadap landskap politik di Malaysia khususnya pasca peristiwa Reformasi 1998. Secara umumnya, perbincangan mengenai satira dapat dilihat daripada dua sudut. Pertama, perbincangan mengenai satira sering membawa pembaca kepada disiplin sastera dan genre-genre dalam bentuk tulisan seperti novel, cerpen dan drama. Bahkan, ada karya-karya satira dalam sastera yang diangkat oleh pembaca dan juga mendapat pengiktirafan daripada badan penilai profesional. Sebagai contoh, novel *kawin-kawin* yang ditulis oleh Azizi Haji Abdullah telah berjaya meraih anugerah Hadiah Novel Sako 2 untuk kategori Novel Nasional pada tahun 2001. Begitu juga dengan novelet *Putera Gunung Tahan* yang dikarang pada tahun 1937 oleh Ishak Haji Muhammad atau lebih dikenali sebagai Pak Sako. Sehingga kini, novelet yang mengejek pihak kolonial British ini masih menjadi bualan dan kajian oleh banyak pihak meskipun sudah diterbitkan puluhan tahun sebelum merdeka dahulu. Namun pada sudut yang lain, satira, khasnya satira politik juga sering menarik perhatian pihak berkuasa sekali gus menjadikan karya-karya satira ini dan satirawan yang menghasilkannya berhadapan dengan kecaman dan tindakan undang-undang. Hal ini sering diletakkan atas faktor mengekalkan perpaduan masyarakat dan ketenteraman negara. Alasan ini sebenarnya dapat kita fahami dengan jelas selaras dengan usaha kerajaan untuk membentuk sebuah negara bangsa Malaysia. Selepas Semenanjung Tanah Melayu berjaya mencapai kemerdekaan dan membentuk Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957 diekori dengan penyertaan Sabah dan Sarawak pada tahun 1963 yang melengkapkan Persekutuan Malaysia, seluruh rakyat sebuah negara baharu yang berdaulat ini terpaksa belajar untuk hidup bersama antara satu sama lain. Namun, kesan ketidakseimbangan agihan ekonomi antara kaum yang ditinggalkan oleh kolonial British dahulu terus membarah dalam masyarakat sehingga kemuncaknya meletus pada 13 Mei 1969, mengakibatkan kerajaan perlu mengambil tindakan yang pantas dan tegas untuk menyelesaikan kemelut berdarah ini daripada terus berpanjangan. Oleh hal yang demikian, undang-undang menjadi semakin

ketat dan ruang demokrasi – khasnya kebebasan bersuara dan berekspresi menjadi semakin sempit ekoran usaha kerajaan untuk mengekang peristiwa berdarah sebelum ini daripada kembali berulang. Justeru, karya-karya satira politik dan satirawannya sering dituduh sebagai mengganggu gugat pembangunan, keharmonian kaum dan kehidupan masyarakat majmuk. Daripada segi lain pula, satira politik juga lazim dituduh sebagai menghina atau memfitnah. Namun sebagai pengkaji politik dan sosiologi, satira politik ini menarik untuk dikaji sebagai salah sebuah bentuk dalam proses komunikasi politik. Bahkan tindakan satirawan menghasilkan karya-karya satira politiknya boleh dilihat sebagai sebuah reaksi protes atau ketidakakuran sivil.

Umumnya kaedah kualitatif melalui penelitian secara *Grounded Theory* sesuai untuk menyelidik dan memahami sesuatu fenomena daripada bawah. Justeru, data yang dikutip untuk menghasilkan buku ini diperolehi melalui kaedah temu bual yang dilakukan kepada beberapa orang informan terpilih. Para informan juga dipilih secara *purposive sampling* dengan melihat latar belakang dan pengalaman peribadi mereka yang pernah berhadapan dengan tindakan undang-undang akibat daripada karya/ aksi satira yang dilakukan. Dengan cara ini, idea dan motif di sebalik tindakan yang dilakukan oleh para satirawan ini dapat dirungkai sekali gus difahami. Pilihan raya seringkali dilihat sebagai elemen penting dalam demokrasi. Bahkan, pilihan raya sering menjadi terjemahan utama dalam melihat sesebuah proses demokrasi yang berjalan di dalam sesebuah negara - sama ada baik atau buruk. Namun, kebebasan berekspresi dan bertukar pendapat juga sebaiknya harus diberi perhatian sekaligus mencerminkan amalan demokrasi dalam sesebuah negara. Aktiviti-aktiviti yang dianggap sebagai ketidakakuran sivil seperti rapat umum atau protes (secara berkumpulan atau individu) dalam apa jua bentuk dan terhadap apa jua isu harus diberi perhatian menyeluruh dan dikaji oleh para penyelidik yang berminat dengan gerakan sosial dan pendemokrasian.

Secara kasarnya, pasca-Reformasi 1998 telah menonjolkan suatu amalan yang telah lama diredam dan dibungkam sejak peristiwa 13 Mei 1969 sehingga kepada sepanjang pemerintahan Perdana Menteri ke-4, Tun Dr Mahathir Mohamad. Amalan yang diredam itu adalah protes. Namun selepas pecahnya Reformasi 1998, amalan protes dan acara-acara rapat umum dilihat kembali menghangatkan suhu politik Malaysia meskipun masih lagi berhadapan dengan tindakan undang-undang. Dalam tempoh ini juga, penggunaan internet dalam

negara telah mula meluas dan kukuh sekaligus menumbuhkan banyak media alternatif seperti laman berita dan blog. Kehadiran media alternatif dan platform digital memudahkan rakyat untuk mendapat akses berita yang bukan daripada arus perdana dan dikawal oleh pihak yang berkuasa. Oleh yang demikian, buku ini disusun bermula dengan pengenalan terhadap landskap politik Malaysia, kedudukan satira politik dalam struktur ruang awam di Malaysia, penentangan dan perbenturan yang dijelmakan dalam bentuk satira politik di Malaysia, reaksi-balas penguasa terhadap satira politik serta pertembungan dua realiti sosial antara satirawan dan penguasa. Bab akhir buku ini kemudiannya cuba mengajak para pembaca untuk sama-sama memikirkan ulang sama ada protes dalam bentuk satira politik ini wajar atau tidak untuk dibincangkan secara serius dalam ranah kajian komunikasi politik.

Buku ini diharap menjadi satu sumbangan kecil dalam ilmu sains politik yang luas dan sering dianggap ‘kering’ sekaligus sarat dengan perbincangan teoretikal yang telah dominan. Meskipun penemuan-penemuan dalam buku ini disinggung daripada kajian yang dilakukan pada tahun 2016 dahulu; namun sifat dan sikap penguasa dan masyarakat terhadap satirawan dan satira politik dilihat tidak banyak berubah.

Kejayaan menghasilkan buku ini adalah hasil kerjasama pelbagai pihak. Pertama, sekalung penghargaan kepada Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia kerana menganugerahkan Dana Penerbitan Buku dibawah kod (DPB-2024-057). Seterusnya, German Academic Exchange Service [DAAD] (OO-2021-004) kerana turut mengurniakan dana ini kepada penulis untuk komited dalam memberikan sumbangan dalam bentuk penulisan karya asli. Seterusnya jutaan terima kasih di atas bimbingan Profesor Emeritus Dato’ Dr. Abdul Rahman Embong dalam menyumbang ilmu dan pemikiran sains sosial di dalam bengkel bina upaya yang dihadiri pengarang dan seterusnya mengangkat martabat karya ini pada kedudukan yang membolehkan ia disentuh masyarakat.

Penulis juga diberikan peluang untuk menggunakan banyak bahan-bahan daripada perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Oleh hal yang demikian, penghargaan sewajarnya juga perlu diberikan kepada kedua-dua entiti tersebut. Karya ini juga tidak mungkin dapat diselesaikan tanpa kehadiran para informan. Bahkan, penulis berpeluang untuk bertemu dengan para penggiat satira dan pengkritik sosial khususnya Ronasina, Ezra Zaid dan Fathi Aris Omar. Justeru, jutaan

terima kasih diucapkan kepada para informan utama dan juga sampingan yang menyumbang secara langsung dan tidak langsung kepada penghasilan karya ini. Tidak dilupakan, jasa besar Pertubuhan Naratif Malaysia (NARATIF) dan Pembantu Penyelidik bagi penghasilan karya asli ini iaitu Muhammad Zamri Maddimunri.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan kami ucapkan kepada Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia kerana bersetuju untuk menerbitkan buku karya asli ini.

Setakat dalam pengetahuan kami, hanya terdapat tiga penerbitan dalam bentuk karya asli mengenai satira di Malaysia. Pertama, karya nukilan Fatimah Busu yang bertajuk *Ciri-Ciri Satira Dalam Novel Melayu dan Afrika Modern: Kajian Perbandingan* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1992. Kedua, karya asli Syed Othman Syed Omar atau S. Othman Kelantan yang diadaptasi daripada disertasi doktoralnya bertajuk *Pemikiran Satira dalam Novel Melayu* juga terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Ketiga dan yang terkini adalah buku terbitan penerbit UMK pada tahun 2021 yang bertajuk *Pemikiran Satira dalam Penulisan Dakwah* hasil karya asli daripada Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi. Kedua-dua buku yang awal membincangkan satira daripada sudut sastera, manakala buku yang terkini adalah sebuah percubaan melihat satira dalam penulisan dakwah. Namun, setakat pemerhatian ini, karya asli mengenai satira politik di Malaysia masih lagi tiada.

Buku ini ada kekurangan dan keterbatasannya. Skopnya ialah satira dalam politik pembangunan pasca Reformasi 1998 di Malaysia. Seperti yang dinyatakan, buku ini adalah berdasarkan daripada penelitian yang dilakukan sekitar tahun 2015-2016. Justeru, data-data yang dikutip di dalam ini mungkin tidak kontemporari tetapi masih relevan untuk digunakan. Apa yang penting bukan semata-mata datanya, tetapi ialah idea dan gagasan di dalamnya. Pada masa yang sama, kajian lanjutan mengenai satira politik di Malaysia yang lebih kontemporari telah pun dijalankan oleh penulis. Justeru buku ini boleh dijadikan sebagai pemula sebelum penerbitan seterusnya menyusul.

Selamat membaca!

Fairuzzaman Shaharuddin
Muhamad Azwan Abd Rahman